

06/01/1999

Peneroka perlu prihatin

Asmu MZ

KAMI ahli Umno Cawangan Felda Gugusan Taib Andak menyokong kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang banyak membuat perubahan kepada negara dan rakyat.

Demi kepentingan rakyat sejagat beliau menempuh pelbagai rintangan dan cabaran semata-mata menaikkan martabat maruah negara dan bangsa walaupun kini gawat dengan menghadapi politik dalaman.

Kami mendoakan Dr Mahathir yang juga Presiden Umno akan terus menerajui parti dan negara.

Kepada peneroka, kita perlu prihatin walaupun apa yang berlaku sekarang ini, paling penting perpaduan dalam Umno semua peringkat sama ada cawangan dan juga bahagian mesti dibajai.

Tidak harus timbul masalah dan berpuak-puak dalam parti semata-mata untuk menjaga kepentingan politik peribadi dan bukan kepentingan ahli.

Apatah lagi kita akan menghadapi pilihan raya maka sudah tentu banyak masalah perlu diatasi, terutama dalam rancangan Felda.

Sudah tentu sedikit sebanyak kita akan berdepan dengan parti pembangkang Pas yang selalu mengadakan ceramah untuk menarik perhatian pengundi bagi pilihan raya akan datang.

Pembangkang selalu membawa isu politik dan sosial ekonomi untuk menarik perhatian peneroka menyokong perjuangan mereka.

Bagaimanapun tidak ada kekuatan mereka untuk mempengaruhi peneroka malah ada segelintir yang kecil saja yang terpengaruh dengan dakwah Pas. Ini kerana peneroka faham taktik pembangkang itu dan tidak semudah peneroka terpengaruh. Rakyat sedar bahawa tidak ada kerajaan lain daripada sekarang yang dapat membela rakyat, dengan bertunjangkan Umno.

Kepada pemimpin parti Umno sama ada di peringkat cawangan atau bahagian, kita perlu mengambil iktibar apa yang berlaku sekarang.

Kekuasaan Umno itu datang daripada ahli Umno. Dr Mahathir selaku Presiden Umno, selalu mengingatkan ahli jangan ada sebarang pertelingkahan dalam parti kerana ia tidak memberi apa-apa keuntungan.

Sebaiknya, kita perlu menjalankan tanggungjawab dengan ikhlas dan jujur.

Bukan kekuasaan atau kedudukan dalam parti yang penting tetapi perjuangan yang masih belum selesai.